



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEBERKESANAN PROGRAM KEUSAHAWANAN REMAJA
DI SEKOLAH MENENGAH**

NORASMAH OTHMAN

FPP 2002 1

**KEBERKESANAN PROGRAM KEUSAHAWANAN REMAJA
DI SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

NORASMAH OTHMAN

**Tesis ini Disediakan bagi Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah di
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Julai 2002



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

KEBERKESANAN PROGRAM KEUSAHAWANAN REMAJA DI SEKOLAH MENENGAH

Oleh

NORASMAH HJ. OTHMAN

Julai 2002

Pengerusi: Professor Madya Zaidatul Akmaliah Binti Lope Pihie, Ph.D.

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan Program Keusahawanan Remaja yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia serta meninjau sejauh mana program ini berjaya memberi pendedahan perniagaan serta memupuk budaya keusahawanan dalam diri pelajar. Selain itu, kajian ini juga merupakan satu usaha untuk mengenal pasti pembolehubah-pembolehubah yang diperlukan oleh sesebuah program untuk berjaya.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan Struktur Penilaian Hammond sebagai asas untuk membentuk kerangka kerja konseptual kajian. Struktur ini berfokuskan kepada dimensi pengajaran, dimensi institusi dan dimensi tingkah laku. Dimensi pengajaran merangkumi pembolehubah seperti kaedah pengajaran, kemudahan dan kursus; sementara, dimensi institusi mencakupi individu yang terlibat dengan program iaitu pelajar dan penceramah/pensyarah program, dan dimensi tingkah laku pula merupakan dimensi pencapaian matlamat program dari segi pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi pelajar/peserta.

Sampel kajian terdiri daripada 309 pelajar Program Usahawan Muda (PUM) dan 130 pelajar Program Tunas Bistari (PTB). Seterusnya, pengumpulan data dibuat dengan



menggunakan instrumen soal selidik, ujian dan temu bual. Dari segi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, Cronbach Alpha dan Kuder Richardson-20 (KR-20) telah digunakan. Data-data dianalisis dengan menggunakan ujian MANOVA, korelasi Pearsons dan regresi berganda pada aras kesignifikanan $p < 0.05$.

Secara umumnya, kajian menunjukkan tahap keberkesanan program yang memuaskan apabila PUM menerima min keberkesanan sebanyak 222.7 ($s.p = 12.95$) dan PTB pula dengan min 219.4 ($s.p = 12.71$). Walau bagaimanapun, nilai sisihan piawai menunjukkan PTB mempunyai sebaran skor yang lebih homogenous berbanding dengan PUM. Ini bermakna walaupun min keberkesanan PUM lebih besar, tetapi secara individu PTB mempunyai tahap keberkesanan yang lebih baik kerana kebolehubah skor mereka lebih kecil. Namun begitu, jika ditinjau secara terperinci kajian menunjukkan PUM menerima pencapaian tingkah laku kognitif dan afektif yang lebih baik berbanding PTB kecuali dalam tingkah laku kompetensi.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kedua-dua program menerima persepsi yang baik daripada pelajar/peserta program, baik dari segi proses pelaksanaan program, kesesuaian kemudahan program dan juga kesesuaian kursus. Namun begitu, dari segi kekerapan penggunaan dan kesesuaian kaedah pengajaran terdapat sedikit perbezaan. Kaedah yang kerap digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah kaedah berpusatkan guru manakala kaedah yang sesuai pula mengikut persepsi pelajar adalah kaedah berpusatkan pelajar.

Sebagai kesimpulan, kajian ini menunjukkan bahawa kesesuaian kaedah pengajaran, kemudahan program dan kursus yang ditawarkan dalam program ada mempunyai hubungan terhadap pencapaian tingkah laku pelajar. Malah, latar belakang akademik serta pengalaman penceramah/pensyarah juga didapati mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar. Justeru, untuk memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar, program yang mantap, menyeluruh serta usaha yang berterusan haruslah dijalankan dengan memberi fokus utama terhadap pembolehubah dinyatakan di atas.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in the fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**EFFECTIVENESS OF ADOLESCENTS ENTREPRENEURSHIP
PROGRAMMES IN SECONDARY SCHOOLS**

by

NORASMAH HJ. OTHMAN

July 2002

Chairman: Associate Professor Zaidatol Akmaliah Binti Lope Pihie, Ph.D.

Faculty: Educational Studies

The purpose of this study is to evaluate the effectiveness of the Adolescents Entrepreneurship Programmes in secondary schools of Malaysia. It also tries to investigate how the program gives business exposure and inculcate entrepreneurial culture into the students. It also attempts to determine all the necessary variables needed for a successful program.

This study uses survey method and The Hammond Evaluation Structure as the foundation for its conceptual framework which focuses on three dimensions: the instructional dimension, the institutional dimension and the behavioral dimension. The instructional dimension consists of teaching methods, program facilities and course contents; meanwhile, institutional dimension consists of participants involved in the program such as students and teachers/facilitators; and finally, the behavioral dimension consists of cognitive, affective and competency behaviors.

The sample consists of 309 students from the Young Entrepreneurship Program (PUM) and 130 students from the Tunas Bistari Program (PTB). Questionnaires, tests and



interviews measuring students cognitive, affective and competency behaviors are employed as the survey instruments in collecting data. Cronbach Alpha and Kuder Richardson-20 (KR-20) are used to test the reliability of the instruments. The data are analysed using MANOVA and multiple regression, and a significant level of 0.05 is used as a priori.

The findings show that the program effectiveness level are at satisfactory levels (PUM effectiveness mean= 222.7, s.d. =12.95; PTB effectiveness mean =219.4, s.d =12.71). However, the standard deviation (s.d) for PTB is smaller than PUM. It means that the score range for PTB is homogenous compared to PUM. Eventhough PUM received higher effectiveness mean but as individual, score from PTB students are much better than those from PUM. The score range for PTB students are smaller compare to PUM.

Generally, students have good perceptions of the programmes; execution of programmes, suitability of facilities as well as courses. However, there is slight discrepancies in perception pertaining to teaching methods, and its frequency. Students perception indicate a preference for student-centered teaching method, whereas in actuality, the teachers/facilitators employed teacher-centered methods most of the time.

Overall, this research indicates that suitability of teaching methods, programme facilities and course are closely correlated to the behavioral achievements among students. Both academic and business experience of the teachers/facilitators correlate with student achievements. Thus, in order to inculcate an entrepreneurial culture amongst secondary school students, we need to implement a continuous effective and overall programme that emphasizes on the above mentioned various variables

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya, saya telah selamat menyelesaikan kajian ini. Sewaktu melaksanakan kajian ini, saya telah mendapat bantuan, sokongan, bimbingan dan kerjasama yang tidak ternilai daripada banyak pihak. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada penyelia saya, Prof Madya Dr Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Prof Madya Dr Mohd Ibrahim Nazri dan Dr Rohani Ahmad Tarmizi yang telah banyak dan tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar, nasihat, bimbingan dan dorongan sehingga terhasilnya penulisan kajian ini. Jasa mereka bertiga terutama penyelia utama saya tidak akan saya lupakan. Kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM khususnya Prof Madya Dr Abd Rahim Bakar dan Prof Madya Dr Othman Dato' Hj Mohamed yang telah membantu memberikan nasihat dalam penggunaan alat kajian yang sesuai.

Saya juga terhutang budi kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan terutamanya kepada bekas Timbalan Menteri Keusahawanan, YB Dato' Idris Jusoh dan pegawai Bahagian Latihan Keusahawanan terutamanya, En Ahmad Rizal Mohd Hanapiah serta semua pegawai Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Selangor, Pahang, Perak dan Pulau Pinang. Begitu juga kepada Y Bhg Dato Muhammad Ali Haji Hashim, Ketua Eksekutif Perbadanan Johor dan pegawai-pegawai Tunas Bistari yang terlibat dalam kajian ini kerana memberi kebenaran untuk saya menjalankan kajian ini dengan

sempurna Kepada guru-guru sekolah kerana membantu saya menjalankan kajian Kepada rakan-rakan setugas di Fakulti Pendidikan UKM seperti Dr Muhammad Hussin, Prof Madya Dr. Abd Razak Habib dan orang perseorangan lain seperti En Jamil Ahmad yang turut serta memberi kerjasama dan sanggup berkongsi pengalaman hidup masing-masing sehingga kajian ini menjadi satu kenyataan

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu, Hajjah Aminah Hj Abu Hassan serta abang-abang dan kakak-kakak atas dorongan serta doa mereka sepanjang pengajian

Penghargaan terima kasih yang teristimewa saya tujukan kepada suami tercinta, Effendi Abdul Jalil yang telah memberi dorongan, membantu tanpa jemu, menerima segala kekurangan dan memahami cita-cita saya Anak-anak Anis Adilah, Azizi Hakim, Alyaa Filza, Adam Daniel dan Alif Muhammad yang telah memberi semangat dan sangat memahami akan kesibukan di sepanjang penulisan kajian ini

No. 11A, Jalan Suasana 4/3

Bandar Tun Hussein Onn

43200 Cheras

Selangor Darul Ehsan

Norasmah Binti Hj Othman

Tesis ini diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat-syarat keperluan untuk memperoleh ijazah Doktor Falsafah

AINI IDERIS, Ph.D.,
Profesor/Dekan,
Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia

Tarikh

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
SURAT KELULUSAN	viii
PERAKUAN	x
KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB 1	
PENDAHULUAN	1
Keusahawanan Malaysia	4
Keperluan Penilaian Terhadap Program Pendidikan dan Latihan Keusahawanan di Malaysia	29
Pernyataan Masalah	31
Objektif Kajian	34
Persoalan Kajian	35
Kepentingan Kajian	38
Kerangka Kerja Konseptual Kajian	41
Batasan Kajian	46
Definisi Operasional	49
BAB 2	
TINJAUAN LITERATUR	
Pengenalan	55
Pengertian Penilaian	56
Pengertian Usahawan dan Keusahawanan	77
Kajian-kajian Lepas Berkaitan Dengan Penilaian Program Pendidikan dan Latihan Keusahawanan	105
Kesimpulan	145
BAB 3	
METODOLOGI	
Pengenalan	156
Reka Bentuk Kajian	156
Instrumen	158
Populasi Kajian	166
Tatacara Pengumpulan Data	185
Tatacara Penganalisan Data	187
Rumusan	192
BAB 4	
DAPATAN KAJIAN	
Pendahuluan	193
Profil Responden Kajian	194
Dapatan Persoalan Kajian	198



	Rumusan	276
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
	Pendahuluan	283
	Rumusan	283
	Perbincangan	307
	Implikasi dan Cadangan	323
	Cadangan Umum	335
	Cadangan Kajian Lanjutan	337
	RUJUKAN	339
	LAMPIRAN	
	A PTB & PUM	364
	B Jadual penentuan saiz sampel Reaves (1992)	365
	C Pengiraan saiz sampel menggunakan formula Krejcie dan Morgan (1970)	366
	D Pengiraan saiz sampel menggunakan formula Cochran (1977)	367
	E Nama panel pengesah soal selidik dan ujian	368
	F Surat Kebenaran	369
	G Persepsi pelajar PUM terhadap proses pelaksanaan program dalam peratus	373
	H Persepsi pelajar PUM terhadap proses pelaksanaan program dalam peratus	375
	I Persepsi pelajar PUM dan PTB terhadap kesesuaian kursus dengan aktiviti perniagaan dalam peratus	377
	J Jadual 4 22b Skor min dan sisihan piawai setiap pembolehubah bersandar berdasarkan program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga	378
	K Jadual 4 22c Skor min dan sisihan piawai setiap pembolehubah bersandar berdasarkan jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga bagi setiap program	379
	L Korelasi antara setiap pernyataan berkaitan kemudahan dengan skor pencapaian tingkah laku kognitif pelajar	380
	M Korelasi antara pencapaian tingkah laku afektif dengan kekerapan penggunaan kaedah pengajaran	381
	N Korelasi antara setiap pernyataan berkaitan kemudahan dengan skor pencapaian tingkah laku afektif pelajar	382
	O Korelasi antara pencapaian tingkah laku kompetensi dengan kekerapan penggunaan kaedah pengajaran	383
	P Soal selidik	384
	BIODATA PENULIS	404



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1 1	Komposisi KDNK mengikut sektor utama di Malaysia antara tahun 1970 hingga 1995	2
1 2	Guna tenaga mengikut sektor 2001-2010	3
1 3	Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata mengikut etnik, 1995-1999 (RM)	6
1 4	Peruntukan Pembangunan untuk Pendidikan dan Latihan 1991-2000 (dalam juta)	9
2 1	Analisis Perbandingan Pendekatan Penilaian Alternatif	71
2 2	Ciri-ciri yang menyumbang kepada keusahawanan	87
2 3	Bilangan usahawan dan syarikat yang dibangunkan sehingga 30 9 97	106
2 4	Kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut Model Kolb	117
2 5	Strategi mengajar dan gaya pembelajaran	123
3 1	Jadual Interpretasi skor min dimensi tingkah laku afektif	162
3.2	Skala pemarkahan dimensi tingkah laku kognitif dan kompetensi	165
3 3	Aras kesukaran dan indeks pembezaan	175
3 4	Analisis item ujian tingkah laku kompetensi	176
3 5	Analisis item ujian tingkah laku kognitif	177
3 6a	Nilai korelasi antara setiap item dengan jumlah skor dan indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi dimensi tingkah laku afektif	179
3 6b	Nilai korelasi antara setiap item dengan jumlah skor dan indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi kaedah pengajaran	181



3 6c	Nilai korelasi antara setiap item dengan jumlah skor dan indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi kemudahan program	182
3 6d	Nilai korelasi antara setiap item dengan jumlah skor dan indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi kursus program	183
3 6e	Nilai korelasi antara setiap item dengan jumlah skor dan indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi proses pelaksanaan program secara keseluruhan mengikut persepsi pelajar	184
3 7	Jadual tahap keberkesanan	188
3 8	Huraian terhadap nilai pekali yang diperoleh dilakukan dengan merujuk kepada tafsiran Davies (1971)	190
4 1	Taburan responden mengikut jantina	194
4.2	Latar belakang pekerjaan penjaga pelajar mengikut program	195
4 3	Latar belakang akademik penceramah/pensyarah	196
4 4	Pengalaman berniaga	197
4 5	Taburan pencapaian dimensi tingkah laku kognitif mengikut program	200
4.6	Taburan pencapaian tingkah laku kompetensi mengikut program	201
4 7	Taburan pencapaian tingkah laku afektif mengikut program	203
4 7a	Pencapaian tingkah laku afektif mengikut kategori sikap keusahawanan	204
4 8	Keberkesanan Program	205
4 9	Persepsi pelajar terhadap proses pelaksanaan program	208
4.10	Persepsi pelajar terhadap penggunaan setiap kaedah pengajaran dalam program mengikut Model Kolb	212



4 10a	Huraian kekerapan penggunaan kaedah pengajaran fasa 1	214
4 10b	Huraian kekerapan penggunaan kaedah pengajaran fasa 2	215
4 10c	Huraian kekerapan penggunaan kaedah pengajaran fasa 3	217
4 10d	Huraian kekerapan penggunaan kaedah pengajaran fasa 4	218
4 11	Min nilai kesesuaian setiap fasa	220
4 12	Huraian nilai kesesuaian kaedah pengajaran fasa 1	222
4 13	Huraian nilai kesesuaian kaedah pengajaran fasa 2	223
4 14	Huraian nilai kesesuaian kaedah pengajaran fasa 3	224
4 15	Huraian nilai kesesuaian kaedah pengajaran fasa 4	225
4 16a	Persepsi pelajar terhadap kelengkapan dan lekapan asas program	231
4 16b	Persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan bantuan mengajar	236
4 17	Kesesuaian kemudahan yang disediakan mengikut persepsi pelajar	240
4 18	Kursus-kursus Program	242
4 19	Persepsi pelajar PUM dan PTB terhadap kesesuaian kursus dengan aktiviti perniagaan	246
4 20	Ujian Box's M	248
4 21	Analisis MANOVA perbezaan pencapaian tingkah laku pelajar berdasarkan program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga pelajar	249
4 22a	Ujian ANOVA berganda perbandingan pencapaian tingkah laku kompetensi, kognitif, afektif berdasarkan program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga	250
4 23	Korelasi antara kekerapan penggunaan kaedah pengajaran Model Kolb dengan skor pencapaian tingkah laku kognitif mengikut persepsi pelajar	256

4 24	Korelasi mengikut persepsi pelajar antara kesesuaian kemudahan program dengan pencapaian tingkah laku kognitif	257
4 25	Korelasi antara kekerapan penggunaan kaedah pengajaran Model Kolb dengan pencapaian tingkah laku afektif mengikut persepsi pelajar	258
4 26	Korelasi antara kesesuaian kemudahan program dengan pencapaian tingkah laku afektif pelajar mengikut persepsi pelajar	259
4 27	Korelasi antara pencapaian tingkah laku kompetensi dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran Model Kolb mengikut persepsi pelajar	260
4 28	Korelasi antara pencapaian tingkah laku kompetensi dengan kesesuaian kemudahan mengikut persepsi pelajar	261
4 29	Analisis regresi berganda (stepwise) bagi pembolehubah terpilih yang mempengaruhi pencapaian tingkah laku kognitif	263
4 29a	Analisis varians	263
4 30	Analisis regresi berganda (stepwise) bagi pembolehubah terpilih yang mempengaruhi pencapaian tingkah laku afektif	265
4 30a	Analisis varians	265
4 31	Analisis regresi berganda (stepwise) bagi pembolehubah terpilih yang mempengaruhi pencapaian tingkah laku kompetensi pelajar	268
4 31a	Analisis varians	268



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
A	Model Pendidikan Keusahawanan Miller et al 1983	12
B	Model Pendidikan Keusahawanan Sepanjang Hayat NCRVE 1987	13
C	Model Pendidikan Keusahawanan Gibb 1988	14
D	Kerangka Kerja Konseptual Kajian	46
E	Putaran Latihan	60
F	Evolusi Produk	90
G	Langkah-langkah Pemilihan Sampel	169
H	Cadangan Model Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah di Malaysia	327



SENARAI SINGKATAN

AFB	Program Action For Business
AMCHAM	American-Malaysian Chamber of Commerce
ANOVA	Analisis Varians
CIPP	Contents, Input, Process, Product
CIRO	Contents, Input, Reaction, Output
CPM	The Critical Path Method
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
dk	Darjah kebebasan
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
IDS	Industrial Development Board
ILO	International Labor Organization
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IPPJ	Institut Pembangunan Pengurusan Johor
jkd	Jumlah kuasa dua
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNS DE	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KDNK	Keluar Dalam Negara Kasar
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPU _n	Kementerian Pembangunan Usahawan
MPP	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian
MPSP	Model Pendidikan Keusahawanan Sepanjang Hayat
mkd	Minkuasa dua
NCRVE	National Center for Research in Vocational Education
PERT	The Program Evaluation and Review Technique
PKENJ	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor
PKN	Perbadanan Kemajuan Negeri
PTB	Program Tunas Bistari
PUM	Program Usahawan Muda
RMKe-7	Rancangan Malaysia Ketujuh
RMKe-8	Rancangan Malaysia Kelapan
RRJP3	Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga
RMKe-7	Rancangan Malaysia Ketujuh
RMKe-8	Rancangan Malaysia Kelapan
s p	Sisihan piawai
UTOS	Units, Treatment, Observing Observation and Setting
VT	Vokasional dan Teknik



BAB 1

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang kaya dengan bahan-bahan mentah. Penderiaan terhadap bahan mentah ini banyak membantu dalam pembangunan ekonomi negara dan berjaya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya maju dan berdaya saing, setaraf dengan negara-negara maju yang lain. Ini terbukti dengan kejayaan Malaysia mengekalkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar purata 6.8 peratus setahun pada tahun-tahun 1960-an. Sementara pada tahun 1971 hingga 1990 pertumbuhan KDNK ialah 6.7 peratus, manakala antara 1991 hingga 1995, KDNK meningkat kepada 8.4 peratus. Pencapaian seperti ini tidak banyak diperolehi oleh negara-negara sedang membangun yang lain (Moha Asri Abdullah, 1997).

Tambah beliaulah lagi, perkembangan pesat ekonomi Malaysia ini telah membawa banyak perubahan kepada struktur ekonomi Malaysia. Antaranya ialah perubahan dalam peratusan nilai sumbangan sektor-sektor untuk pertumbuhan KDNK. Proses peralihan ternyata melibatkan peningkatan yang mendadak dalam sumbangan sektor pembuatan dan penurunan dalam sumbangan sektor pertanian kepada KDNK. Jadual 1.1 menunjukkan dengan jelas bahawa pada tahun 1970, sektor pertanian, perikanan dan perhutanan menyumbang sebanyak 30.8 peratus kepada KDNK, manakala, sektor perkilangan (pembuatan) menyumbang sebanyak 13.4 peratus. Angka ini berubah menjelang tahun 1995, yang menunjukkan bahawa sumbangan sektor pertanian, perikanan dan perhutanan menurun kepada 13.9 peratus, manakala, sektor perkilangan (pembuatan) meningkat kepada 32.7 peratus. Ini menunjukkan

bahawa terdapat transformasi dalam struktur ekonomi Malaysia dari sektor pertanian perikanan dan perhutanan kepada sektor perkilangan (pembuatan)

Jadual 1.1: Komposisi KDNK mengikut sektor utama di Malaysia antara tahun 1970 hingga 1995

Sektor/Tahun	1970	1980	1990	1994	1995
Pertanian, Perikanan, Perhutanan	30.8	23.4	18.6	14.9	13.9
Perlombongan dan kuar	6.5	5.0	9.8	7.5	7.0
Perkilangan	13.4	20.5	26.9	31.4	32.7
Pembinaan	3.9	4.5	3.6	4.1	4.3
Kewangan, perdagangan dan insuran	21.7	20.2	19.9	23.4	23.6
Perkhidmatan kerajaan dan lain-lain	20.2	23.6	21.7	20.9	18.5
Jumlah	100	100	100	100	100

Sumber: Kementerian Kewangan, Laporan Tahunan Ekonomi (pelbagai isu), Kuala Lumpur
Moha Asri Abdullah, 1997 m s 4

Akibat perubahan-perubahan di atas, maka Malaysia pada masa kini lebih banyak memerlukan tenaga profesional, mahir dan separa mahir. Ini boleh dilihat daripada peratusan guna tenaga mengikut sektor pada tahun 2001-2010, seperti dalam Jadual 1.2, yang menunjukkan sektor pembuatan menggunakan 27.6 peratus guna tenaga, diikuti dengan sektor-sektor lain. Justeru, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) 2001-2010 telah memberikan tumpuan terhadap usaha meningkatkan tahap pembentukan kemahiran sumber manusia secara berterusan. Keadaan ini terjadi kerana sumber tenaga manusia menjadi salah satu teras kepada lima unsur penting dalam asas ekonomi sesebuah negara selain daripada teknologi, pembiayaan insentif, perkhidmatan sokongan serta prasarana fizikal dan kemudahan awam. Malahan, pembangunan sumber manusia merupakan perkara utama bagi membolehkan Malaysia membangunkan ekonominya berasaskan pengetahuan dalam

tempoh RRJP3 Berikutan itu, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah wang yang banyak untuk tujuan melancarkan proses pembangunan sumber manusia (Malaysia, 2001a)

Jadual 1.2: Guna tenaga mengikut sektor 2001-2010

Sektor	Peratus
Pembuatan	27.5
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel & Restoran	17.1
Pertanian, Perhutanan, Ternakan & Perikanan	15.2
Perkhidmatan Kerajaan	10.6
Pembinaan	8.1
Perkhidmatan Lain	9.7
Kewangan, Insuran, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	5.5
Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	5.0
Elektrik, Gas & Air	0.8
Perlombongan & Kuari	0.4

Sumber. Malaysia, 2001a m s 161

Berdasarkan aliran pertumbuhan ekonomi dan keperluan untuk meningkatkan taraf hidup bagi semua kawasan dan sektor ekonomi, galakan dan peranan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menjadi semakin penting. Aliran pertumbuhan ekonomi ini memberi peluang kepada pertumbuhan pembangunan IKS, kerana IKS bukan sahaja menyumbang kepada keperluan dan pembangunan ekonomi, tetapi juga sebagai tulang belakang dalam mendukung arah aliran pembangunan ekonomi (Mohd Amir Sharifuddin Hashim, 1989, Moha Asri Abdullah, 1997)

Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang positif tidak berterusan apabila pada tahun 1998, negara dilanda krisis ekonomi yang teruk. Namun begitu, penguchupan ekonomi yang mendadak hanya berlaku dalam jangka masa yang pendek. Ekonomi kembali mengalami perubahan dengan cepat hasil pelaksanaan dasar fiskal dan kewangan serta strategi yang berkesan dari kerajaan. Hasil daripada

usaha pemulihan ekonomi tersebut, mulai pertengahan tahun 1998 purata kadar pertumbuhan di Malaysia telah berjaya dihasilkan sebanyak 7.2 peratus dalam tempoh 1999-2000 (Malaysia, 2001)

Keusahawanan Di Malaysia

Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka sejak merdeka lagi, dan membenarkan sesiapa sahaja mengurus niaga di Malaysia. Bagaimanapun, dalam keadaan ekonomi yang memberangsangkan ini telah timbul masalah, iaitu ketidakseimbangan dan ketidaksamaan dalam pegangan ekonomi antara kaum Bumiputera dengan kaum bukan Bumiputera, khususnya bangsa Cina dan India. Popenoe (1969) dalam kajiannya di Malaysia mendapati kaum Bumiputera, yang merupakan majoriti penduduk Malaysia, gagal menguasai ekonomi negara. Dapatkan yang sama juga diperoleh dalam kajian Chee Peng Lim (1985). Beliau mendapati bangsa Cina yang merangkumi 1/3 populasi Malaysia menguasai sekurang-kurangnya 70 peratus daripada semua perniagaan di Malaysia, terutamanya perniagaan sektor IKS. Seterusnya, Humam Hj Mohamed (1992) juga mendapati penduduk bukan Bumiputera telah menguasai sektor ekonomi manakala penduduk Bumiputera hanya menguasai sektor politik, sejak merdeka lagi.

Akibat daripada ketidakseimbangan dalam pegangan ekonomi negara, maka Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan pada tahun 1970 untuk menangani masalah sosioekonomi yang timbul. Bagi melaksanakan serta mencapai objektif DEB, iaitu untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan agihan pendapatan antara kaum di Malaysia, campur tangan pihak kerajaan amat diperlukan. Antara peranan yang dijalankan oleh kerajaan adalah dengan memperbanyakkan



bilangan kaum Bumiputera untuk terlibat dalam bidang keusahawanan Tumpuan banyak diberikan kepada sektor IKS, kerana sektor ini bersaiz kecil dan lebih mudah diceburi berbanding dengan industri besar

Namun begitu matlamat DEB gagal dicapai sepenuhnya (Malaysia, 2001) Oleh itu, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah diperkenalkan pada tahun 1991, yang bertujuan mewujudkan keseimbangan yang optimum antara matlamat ekonomi dan ekuiti, memastikan pembangunan yang seimbang antara sektor-sektor utama ekonomi, mengurangkan dan akhirnya menghapuskan ketidakseimbangan dan ketidaksamaan dari segi sosial dan ekonomi

Hasil usaha kerajaan bersama dengan agensi sokongan kerajaan, pengagihan pendapatan keseluruhan di kalangan isi rumah di Malaysia telah bertambah baik dalam tempoh RMKe-7. Peratusan isi rumah berpendapatan rendah yang didefinisikan sebagai mereka yang berpendapat kurang daripada RM1,500 sebulan telah berkurangan daripada 54.4 peratus pada tahun 1995 kepada 43.8 peratus pada tahun 1999. Selaras dengan kemajuan ini, pendapatan bulanan isi rumah secara kasar mengikut kumpulan etnik telah menunjukkan peningkatan (sila rujuk jadual 1.3). Sebagai contoh, pendapatan purata isi rumah kaum Bumiputera telah meningkat pada kadar purata 5.5 peratus kepada RM 1,984 pada tahun 1999 manakala pendapatan isi rumah purata kaum Cina meningkat pada kadar 4.6 peratus setahun kepada RM3,456. Begitu juga dengan pendapatan purata isi rumah kaum India telah meningkat pada kadar purata 6.0 peratus kepada RM2,702. Bagaimanapun, peningkatan pendapatan kaum Bumiputera masih belum memuaskan kerana ia masih agak ketinggalan berbanding dengan kaum lain di Malaysia. Contohnya, nisbah ketidaksamaan

pendapatan kaum Bumiputera-Cina ialah 1 1 74 manakala nisbah ketidaksamaan kaum Bumiputera-India ialah 1 1 36 pada tahun 1999 (Malaysia, 2001)

Jadual 1.3: Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata mengikut etnik, 1995 dan 1999 (RM)

Kumpulan etnik	1995	1999	Kadar pertumbuhan tahunan purata (%) 1995-1999
Bumiputera	1,604	1,984	5.5
Cina	2,890	3,456	4.6
India	2,140	2,702	6.0
Lain-lain	1,284	1,371	1.7
Malaysia	2,020	2,472	5.2

Sumber Malaysia, 2001 m s 66

Berikutan itu, kerajaan perlu memberi tumpuan kepada kaum Bumiputera untuk meningkatkan pendapatan dan taraf kehidupan mereka. Dorongan dan galakan kerajaan kepada kaum Bumiputera supaya melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, terutamanya dalam IKS, menunjukkan tindak balas yang positif. Kenyataan ini selari dengan perangkaan dari Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 1975 (Moha Asri Abdullah, 1997), 92.4 peratus daripada pertumbuhan kilang adalah terdiri daripada sektor IKS. Pada tahun 1985, pertumbuhan sektor IKS ialah sebanyak 92.1 peratus, tahun 1992 pula sebanyak 89.6 peratus dan seterusnya pada tahun 1995 sebanyak 88.9 peratus. Walaupun kadar peratusannya kelihatan menurun setiap tahun, tetapi sebenarnya bilangan mutlak bagi sektor IKS ini terus bertambah.

Dari segi pertumbuhan guna tenaga, Mokry (1988) dan Moha Asri Abdullah (1997) berpendapat bahawa sektor IKS banyak memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat. Ini terbukti dengan pengambilan bilangan pekerja yang ramai bagi mengeluarkan sesuatu produk. Senario ini terjadi kerana sektor IKS memerlukan